

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam merealisasikan inisiatif 'smart classroom' di semua sekolah menengah dalam rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Strategik FELDA (Well Formed Outcome).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah mengadakan perkongsian pintar bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menaik taraf sebanyak 101 buah kelas di sekolah menengah di kawasan FELDA bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pendidikan digital. Inisiatif ini dikenali sebagai FELDA *smart classroom*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan FELDA *smart classroom* ini, semua kos untuk menaik taraf dan menyediakan peralatan dan kelengkapan *smart classroom* seperti komputer, akses Internet, perabot dan pendingin hawa dibiayai oleh FELDA. Manakala, KPM bertanggungjawab menyediakan bilik darjah khas untuk pendidikan digital. Selain itu, KPM juga akan memberi latihan kepada guru mengenai penggunaan pelantar pembelajaran digital iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), sumber pendidikan digital dan khidmat bimbingan yang berterusan bagi meningkatkan kompetensi dalam pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.